

Bab 3

Taraf sosio-ekonomi pekerja ladang.

3.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan sosioekonomi dan kebijakan pekerja-pekerja India di ladang. Berbagai petunjuk sosioekonomi dari segi demografi seperti umur, jantina, pekerjaan, pendidikan, latar belakang tempat kediaman dan seumpamanya akan disorot daripada data yang dikumpulkan. Perbandingan akan dibuat dengan penemuan pengkaji-pengkaji lain yang pernah mengkaji kehidupan pekerja-pekerja buruh India di kawasan perladangan ini. Pada umumnya kebanyakan keputusan, pendapat dan rasional kajian ini adalah berdasarkan kertas soal-selidik dan dari pendapat dan idea komuniti ladang itu sendiri.

Kajian ini telah dijalankan selama enam bulan di lima buah ladang dimana dua buah ladang adalah ladang kelapa sawit manakala tiga ladang yang selebihnya adalah merupakan ladang getah. Antara ladang-ladang yang dikaji oleh pengkaji adalah ladang Glengowrie, Semenyih, Denudin dan ladang Ampar Tenang yang merupakan ladang di bawah MAPA manakala ladang Abako adalah merupakan ladang yang berada dibawah bukan-MAPA.

3.2. Latar belakang ladang yang dikaji

Dalam kajian ini, penulis lebih meninjau aspek pihak pekerja daripada pihak pengurusan, maka kebanyakan ulasan mengenai ladang adalah berdasarkan apa yang diketahui dari penduduk ladang dan melalui pemerhatian penulis sendiri.

3.2.1. Ladang getah

a) Ladang Abaco adalah merupakan sebuah ladang bukan MAPA di bawah pengurusan Ban Hin Realty Sdn.Bhd. Terdapat Seramai 20 orang pekerja yang bekerja di ladang ini dan ladang tersebut terletak tujuh kilometer sebelum ke Pekan Berenang Selangor dan kedudukan petempatan pekerja terletak lebih tiga hingga empat kilometer dari jalanraya besar dan dihubungkaitkan dengan satu jalanraya tanah yang sangat buruk (rujuk lampiran). Walaupun berdekatan dengan jalanraya yang menghala ke dengkil keadaan perumahan disini tidak teratur langsung dan kondisi rumah disini adalah sangat menyedihkan. Rumah-rumah di ladang ini tidak langsung mempunyai kemudahan asas termasuk tandas. Kemudahan bekalan air di ladang adalah tidak tetap iaitu dimana penduduk diladang ini menerima air pada waktu malam selama dua jam secara haram. Menurut penghuni ladang ini, majikannya tidak membayar bil bekalan air kepada Jabatan Bekalan Air Selangor walaupun mereka telah membayar bil air kepada majikannya melalui pemotongan terus daripada gaji mereka.Oleh itu majikannya membuka pili air di ladang tersebut tanpa pengetahuan Jabatan Bekalan Air Selangor pada waktu malam untuk membagikan air kepada penghuni di ladang tersebut. Tambahan pula melalui kajian didapati bahawa sebelum tahun 2002 penghuni ladang ini telah mendapat bekalan air selama tiga kali dalam seminggu. Sementara itu penghuni di ladang ini juga menerima bekalan elektrik 24 jam dalam sehari dan bil elektrik di bayar oleh mereka sendiri. Keadaan persekitaran ladang ini juga sangat buruk dan kemudahan-kemudahan seperti dewan orang ramai dan sekolah tidak disediakan di ladang ini (rujuk lampiran).

b) Ladang Glengowrie adalah merupakan sebuah ladang dibawah MAPA yang dimiliki oleh Golden Hope Plantations Ltd yang merupakan sebuah ladang yang mengalami proses penanaman semula pokok kelapa sawit. Ladang ini terletak di tepi jalanraya yang menghala dari Semenyih ke Seremban iaitu di Hulu Rinching. Walaupun ladang ini berdekatan dengan jalanraya yang menghala dari Semenyih ke Seremban, namun kedudukan penempatan ladang ini terletak lebih daripada satu setengah kilometer dari jalanraya besar dan dihubungkan dengan satu jalanraya tanah merah yang tidak rata. Ladang ini mempunyai 16 keluarga dan terdiri daripada 21 orang pekerja. Rumah-rumah di ladang ini juga adalah tersusun di mana terdapat dua barisan rumah yang bertentangan dan setiap rumah mempunyai dua bilik tidur, dan sebuah ruang tamu yang bersaiz kecil. Keadaan persekitaran dan kemudahan asas di ladang ini adalah memuskan Menurut responden ladang ini, besar kemungkinan pekerja ladang ini akan diberhentikan kerja awal bulan Jun dan kebanyakannya daripada mereka akan mengalami dilema baru iaitu kehilangan kerja dan tempat tinggal. Disamping itu penghuni ladang ini juga telah mengatakan bahawa mereka tidak akan keluar dari ladang tersebut sehingga mereka diberi pampasan yang adil walaupun mereka diberhentikan kerja ataupun dihalau dari ladang tersebut oleh majikan mereka pada masa yang akan datang. Walaubagaimana pun, ladang ini akan beroperasi semula sebagai ladang kelapa sawit bermula tahun 2005 dibawah pengawasan pekerja Indonesia. Menurut Majlis Perbandaran Kajang pula, sebahagian besar daripada ladang ini telah dicadangkan untuk di bangunkan sebagai kawasan perumahan oleh pihak pemaju Golden Hope. Oleh itu, besar

kemungkinan kerja-kerja pembangunan di ladang tersebut akan dimulakan pada awal tahun 2006.

- c) Ladang Semenyih adalah merupakan sebuah ladang MAPA yang dimiliki oleh Golden Hope Plantations Ltd yang juga merupakan sebuah ladang yang mengalami proses penanaman semula pokok kelapa sawit. Ladang ini terletak dalam perjalanan yang menghala ke Broga dan terletak bersebelahan dengan balai polis Semenyih. Sementara itu, kedudukan ladang ini juga berdekatan dengan jalanraya yang menghala dari Semenyih ke Seremban. Seperti biasa ladang ini juga dihubungkan dengan satu jalanraya yang bertar. Ladang ini mempunyai 18 keluarga dan terdiri daripada 18 orang pekerja. Selain itu, sistem perumahan diladang ini juga mempunyai persamaan dengan sistem perumahan di ladang Glengworie kerana kedua-ua ladang tersebut dimiliki oleh Golden Hope Plantations Ltd. Oleh itu, pekerja di ladang ini juga akan diberhentikan kerja pada akhir bulan Jun dan akan mengalami masalah yang sama seperti mana yang dihadapi oleh pekerja di ladang Glengowrie. Walaubagaimana pun, ladang ini juga akan dijangka beroperasi semula sebagai ladang kelapa sawit pada akhir tahun 2004 di bawah pengawasan pekerja Indonesia. Sementara itu, pokok getah akan ditoreh oleh pekerja Indonesia setelah pekerja tempatan India diladang tersebut diberhentikan.

3.2.2. Ladang kelapa sawit

- d) Ladang Denudin adalah merupakan ladang MAPA yang juga dimiliki oleh Golden Hope Plantations Ltd. Ladang ini terletak dipersekutuan jalanraya

yang menghala dari Semenyih ke Seremban. Walaupun ladang tersebut berdekatan dengan jalanraya yang dinyatakan diatas, namun kedudukan penempatan ladang ini terletak lebih daripada enam setengah kilometer dari jalanraya besar dan dihubungkan dengan satu jalanraya tar yang memuaskan. Ladang ini mempunyai lebih kurang 20 keluarga dan terdiri daripada 24 orang pekerja. Keadaan persekitaran rumah di ladang ini adalah bersih dan kebanyakannya rumah di ladang telah diubahsuai mengikut keperluan pekerja. Iaitu dimana, pekerja yang mempunyai bil isirumah yang banyak telah mengubahsuai rumah mereka dengan menambahkan sebuah bilik lagi dibelakang rumah mereka. Sementara itu, penduduk ladang ini memperolehi bekalan elektrik dan air selama 24 jam. Daripada pemerhatian penulis, ladang ini adalah merupakan ladang yang paling baik antara lima buah ladang yang dikaji dari segi kemudahan asas oleh pengkaji.

- e) Ladang Amar Tenang adalah merupakan sebuah ladang MAPA yang dimiliki oleh Guthirie. Ladang ini mempunyai 33 keluarga India dan 36 orang pekerja tempatan dan 45 orang pekerja Indonesia. Walaupun ladang ini berdekatan dengan jalanraya yang menghala ke Dengkil, namun ladang ini terletak jauh di pedalaman. Ladang ini juga merupakan sebuah ladang yang tidak mempunyai perkhidmatan bas awam dan kebanyakannya penduduk di ladang ini akan menggunakan motosikal atau kereta sewa untuk pergi ke pekan Bangi lama ataupun ke pekan Dengkil. Sementara itu, ladang ini adalah merupakan salah sebuah ladang yang mempunyai Taska swasta dimana responden perlu membayar RM 30.00 untuk anak-anak mereka yang belajar di Taska atau Tadika tersebut. Di samping itu juga, ladang ini adalah merupakan ladang yang paling besar antara lima buah ladang yang dikaji

dan ia mempunyai 120 buah rumah dan 30 buah rumah daripada jumlah tersebut adalah kosong. Tambahan pula, rumah-rumah di ladang tersebut adalah bersaiz kecil dan didapati hampir kesemua rumah di ladang tersebut adalah sama walaupun pekerja ladang tersebut mempunyai bilangan isi rumah yang banyak. Keadaan persekitaran di ladang ini adalah kurang memuaskan kerana keseluruhan kawasan tersebut terdiri daripada tanah merah.

3.3 Latar belakang Demografi

Keseluruhan 107 orang ketua isirumah yang ditemui terdiri daripada bangsa India dan kebanyakan pekerja atau responden yang ditemubual merupakan golongan wanita iaitu di dapati bahawa hampir 76 peratus daripada responden yang ditemubual adalah terdiri daripada golongan wanita. Keadaan ini adalah kerana lelaki atau suami ketua isi rumah yang mempunyai bilangan tanggungan yang banyak terpaksa bekerja diluar sebagai pekerja kontraktor untuk menampung keperluan isi rumahnya. Oleh itu, bagi memastikan mereka tidak kehilangan tempat tinggal di ladang itu maka isterinya terpaksa bekerja diladang tersebut bagi mengekalkan kemudahan tempat tinggal mereka diladang tersebut. Hal ini jelas dilihat di ladang-ladang getah, iaitu dimana daripada 54 orang responden yang ditemubual, hanya terdapat lapan orang responden yang terdiri daripada kaum lelaki(Jadual 3.1).

Jadual 3.1
Jantina Responden

Status Jantina	Ladang Kelapa Sawit Bil.Responden	Ladang Getah Bil. Responden
Lelaki	18	8
Perempuan	35	46
Jumlah	53	54

Sementara itu ada juga didapati bahawa lelaki atau suami ketua isi rumah telah berumur 55 tahun terpaksa bersara dan dalam keadaan yang sedemikian, isterinya akan bekerja di ladangnya untuk membolehkan keluarga mereka terus tinggal di rumah ladang tersebut. Di samping itu, didapati juga bahawa terdapat suami ketua isi rumah yang membuat kerja tambahan di ladang pada waktu petang seperti membaja pokok, menyembur racun serangga dan menggutip dahan daun kelapa sawit yang jatuh. Oleh kerana pengkaji telah menjalankan kajian pada sebelah petang, maka pengkaji tidak dapat menemubual atau menjalankan soal selidik keatas suami ketua isi rumah tersebut dan terpaksa menemubual dengan isterinya yang tinggal di rumah pada masa tersebut. Secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan disini bahawa, populasi penduduk lelaki diladang adalah lebih rendah berbanding dengan populasi penduduk perempuan. Keadaan ini timbul disebabkan oleh tiga fenomena iaitu lebih banyak bayi perempuan dilahirkan daripada bayi lelaki dan lazimnya kaum lelaki terutamanya golongan remaja berhijrah ke kawasan bandar yang mempunyai peluang pekerjaan lebih baik berbanding di tempat asalnya.

Jadual 3.2
Umur Responden

Umur	Bil.Responden	Peratus
<20 Tahun	-	-
20-30	-	-
30-40	13	12
40-50	68	64
50-60	22	21
60-70	4	3
>70 Tahun	-	-
Jumlah	107	100

Melalui hasil kajian didapati bahawa 64 peratus daripada kalangan pekerja ladang adalah berumur di antara 40-50 tahun (Jadual 3.2). Ini menunjukkan bahawa pekerja dari golongan ini adalah ramai berbanding dengan kumpulan lain. Selain daripada itu, terdapat juga sebanyak 12 peratus dari pekerja ladang terdiri daripada lingkungan 30-40 tahun. Walaupun kebanyakkan pekerja di ladang ini terdiri daripada golongan aktif namun terdapat juga di kalangan mereka yang bekerja dengan jangkauan umur yang melebihi 55 tahun. Keadaan ini banyak berlaku di ladang getah bukan MAPA, iaitu didapati bahawa di ladang Abako terdapat empat orang responden yang berumur diantara 61 hingga 63 tahun dan seorang lagi berumur 56 tahun (Jadual 3.3.). Menurut responden tersebut mereka terpaksa bekerja diladang tersebut untuk membolehkan mereka terus tinggal di ladang ini kerana anak-anak mereka telah meninggalkan mereka dan untuk mendapat sebuah tempat tinggal, maka mereka telah terus bekerja diladang itu sebagai pekerja penoreh getah secara kontrak.

Jadual 3.3
Umur Responden mengikut status ladang

Umur	Bil. Responden Ladang Kelapa sawit	Bil. Responden Ladang Getah
<20 Tahun	-	-
20-30	-	-
30-40	4	9
40-50	39	29
50-60	10	12
60-70	-	4
>70 Tahun	-	-
Jumlah	53	54

Dari segi status perkahwinan pula didapati bahawa 70 peratus daripada ketua keluarga berkahwin dan sementara 21 peratus perponden pula terdiri daripada ibu tunggal manakala 5 peratus pula terdiri daripada bapa tunggal (Jadual 3.4).

Jadual 3.4
Taraf Perkahwinan Ketua Isirumah Ladang

Status Perkahwinan	Bil. Responden Ladang Kelapa Sawit	Bil. Responden Ladang Getah	Peratus
Berkahwinan	39	36	70
Ayah Tunggal	4	1	5
Ibu Tunggal	9	14	21
Bercerai	-	-	-
Bujang	1	3	4
Jumlah	53	54	107

Dari segi mobiliti penduduk ladang pula, didapati 27 peratus daripada penduduk di ladang tersebut berasal dari ladang mereka masing-masing dan selainnya pula terdiri daripada penduduk yang berhijrah dari kawasan perladangan yang berdekatan sama ada dari mukin atau daerah dalam Negeri Sembilan dan Selangor. Penduduk yang berhijrah masuk ke ladang ini tinggal lebih daripada sepuluh tahun dan keseluruhan mereka adalah berasal dari kawasan perladangan getah dan kelapa sawit di sekitar daerah Hulu Langat dan Klang. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa pergerakkan mereka merupakan penghijrahan dari ladang ke ladang. Ini merupakan satu budaya masyarakat ladang di mana corak kehidupan mereka adalah berputar sebagai buruh kasar di kawasan perladangan sahaja.

Jadual 3.5

**Populasi Penduduk ladang Semenyih dan Glengworie paada tahun 1990 dan
2004**

Ladang	Populasi keluarga di ladang pada tahun 1990	Populasi keluarga di ladang pada tahun 2004
Semenyih	50	18
Glengowrie	40	16

Sementara itu, dari segi kadar penghijrahan keluar penduduk dari ladang adalah tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui jadual 3.2. iaitu di mana pada tahun 1990 didapati terdapat seramai 50 dan 40 keluarga yang menetap di ladang Semenyih dan Glengworie (Arul Chelvan,1990). Manakala daripada hasil kajian pengkaji pada tahun 2004 pula di dapati terdapat 18 dan 16 keluarga yang menetap di ladang tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa faktor sosial dan ekonomi serta peluang pekerjaan di ladang adalah pada tahap yang rendah, sehingga peratus penempatan penduduk di ladang Semenyih dan Glengworie telah mengalami penurunan sebanyak 64 dan 60 peratus dalam tempoh yang singkat. Tambahan pula keadaan yang sama juga dapat dilihat di ladang Abako di mana pada tahun 1990 populasi pekerja di ladang Abako adalah seramai 100 orang tetapi pada tahun 2004 pula populasi pekerja di ladang tersebut adalah seramai 20 pekerja. Menurut seorang responden di ladang tersebut, keadaan sosial dan ekonomi yang tidak memuaskan di ladang Abako telah menyebabkan kebanyakan penduduk di ladang tersebut telah berpindah ke kawasan perindustrian terutamanya di Semenyih dan Beranang untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk menyara saiz keluarga yang banyak.

3.4 Taraf pendidikan responden

Pencapaian pelajaran yang tinggi menunjukkan kadar kemiskinan yang rendah (Radha Krishnan 1989:13) manakala pencapaian yang rendah menunjukkan kadar kemiskinan yang tinggi. Sekiranya taraf pelajaran penduduk tersebut adalah rendah, maka secara keseluruhan penduduk juga berada dalam putaran ganas kemiskinan. Keadaan ini telah digambarkan dengan jelas oleh Marimuthu (1975) di kawasan perladangan Selangor di mana beliau mendapati keadaan corak kehidupan dan sistem pendidikan yang serba kekurangan di kawasan perladangan menyebabkan taraf pendidikan yang diperolehi oleh masyarakat adalah rendah iaitu tidak tamat sekolah rendah atau tamat sekolah setakat sekolah rendah sahaja. Ini mengakibatkan mereka tidak dapat keluar dari kawasan perladangan dan sepanjang hayatnya terpaksa hidup dalam kemiskinan. Keadaan kemiskinan keluarga ini mengakibatkan anak-anak dalam keluarga tidak menerima pendidikan yang memuaskan.

Jadual 3.6.
Taraf Pendidikan Ketua Isirumah

Status Umur	Status pendidikan Umur	Pendidikan dan		Umur Responden	Jumlah
		Tidak Bersekolah	Tidak Tamat Sek. Ren	Tamat Sek. Ren	
30-35 Tahun	1	2	-	3	
36-40 Tahun	4	2	4	10	
41-45 Tahun	7	17	6	30	
46-50 Tahun	13	17	8	38	
51-55 Tahun	6	11	3	20	
56-60 Tahun	2	1	-	3	
61-65 Tahun	-	2	-	2	
66-70 Tahun	1	-	-	1	
Jumlah	34	52	21	107	

Jadual 3.6 menunjukkan taraf pendidikan responden di ladang sangat rendah di mana responden tidak menerima pendidikan formal atau tidak bersekolah meliputi 32 peratus, responden yang tidak tamat sekolah rendah ialah sebanyak 48 peratus dan juga terdapat 20 peratus responden yang tamat sekolah rendah. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajaran di kalangan responden adalah tidak jauh berbeza di antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat melalui jadual di atas iaitu didapati bahawa penduduk yang berumur dalam lingkungan 30-35 tahun hingga 66-70 tahun mempunyai taraf pendidikan yang sama.

Selain itu, kebolehan literasi iaitu kebolehan membaca dan menulis Bahasa Malaysia di kalangan responden mempunyai kaitan rapat dengan taraf pendidikan responden. Melalui kajian yang dijalankan hampir keseluruhan responden yang ditemubual tidak dapat membaca dan menulis borong soal-selidik yang diedarkan oleh pengkaji semasa

menjalankan soal-selidik kerana mereka tidak tahu membaca dan menulis Bahasa Malaysia. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa kebolehan membaca dan menulis Bahasa Malaysia di kalangan responden adalah pada tahap yang rendah.

Pada umumnya latar belakang pencapaian pelajaran oleh ibu bapa yang rendah dipengaruhi oleh kemiskinan. Awang Had Salleh (1983) telah menghuraikannya dengan lebih mendalam lagi. Beliau mengatakan bahawa kemiskinan keluarga menyebabkan pendidikan (pelajaran) yang dicapai itu rendah, dan ini mengakibatkan perlanjutan kemiskinan keluarga. Satu cara lagi melihatnya ialah dengan mengatakan bahawa pendidikan yang rendah yang dicapai oleh ibu bapa menyebabkan kemiskinan keluarga dan kemiskinan keluarga pula mengakibatkan anak-anak dalam keluarga itu tidak menerima pendidikan yang memuaskan. Sebenarnya kedua-dua cara melihat ini dapat digabungkan menjadi sebuah putaran ganas atau lingkaran sebab dan akibat. Pendek katanya latar belakang pencapaian pelajaran ibu bapa yang rendah akibat daripada kemiskinan telah mempengaruhi perkembangan atau kemajuan pelajaran anak-anak.

Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas dari analisis hasil kajian, di mana ketua keluarga yang tidak tamat pendidikan sekolah rendah berpengaruh kuat ke atas pendidikan anaknya. Hal ini dapat dilihat melalui taraf pendidikan ketua keluarga dengan anak-anak responden yang sedang bekerja, iaitu didapati 32 peratus responden yang tidak bersekolah mempunyai seorang anak yang tidak bersekolah dan dua orang anak yang tidak tamat sekolah rendah serta dua orang lagi yang tamat sekolah rendah. manakala 48 peratus responden yang tidak tamat sekolah rendah mempunyai seorang anak yang tidak bersekolah dan enam orang anak yang belum tamat sekolah rendah dan juga dua orang anak yang tamat sekolah rendah. Sementara itu 20 peratus responden yang tamat sekolah rendah mempunyai seorang anak yang tidak tamat sekolah rendah. Secara keseluruhannya di dapati bahawa tahap pencapaian anak-anak responden adalah pada tahap yang rendah.

Tambahan pula, melalui hasil kajian didapati bahawa pendapatan yang rendah dengan tanggungan yang banyak telah menghalang mereka daripada menghantar anak-anak mereka ke sekolah. sebagai contohnya, pengkaji telah mengkaji seorang pekerja ladang Abako yang berumur 44 tahun yang mempunyai pendapatan kira-kira RM 300 sebulan. Beliau mempunyai tujuh orang anak-anak dan tidak mempunyai suami. Menurutnya dengan pendapatannya yang sebanyak itu tidak cukup untuk membeli makanan dan pakaian, apa lagi untuk menyekolahkan anak-anaknya di luar ladang tersebut. Oleh itu beliau telah memberhentikan dua orang anaknya yang berumur 10 tahun dan 11 tahun dari pergi ke sekolah kerana tidak mampu untuk membayar tambang pengangkutan sekolah sebanyak RM30.00 bagi seorang anaknya.

Jadi melalui hasil kajian didapati bahawa kemiskinan yang dihadapi oleh responden telah menjaskankan kemajuan pendidikan anak-anaknya yang merupakan generasi akan datang. Sebahagian besar dari kanak-kanak yang tidak tamat pendidikan sekolah rendah pula mengikuti ibu bapa ketempat kerja dan menjadi sebagai buruh kanak-kanak (child labour).

Dengan ini didapati taraf pencapaian pelajaran anak-anak di ladang ini adalah setakat sekolah menengah rendah sahaja. Didapati sejumlah besar bilangan anak-anak pula tercicir sebelum menjak kaki ke sekolah menengah. Hanya sebilangan kecil daripada anak responden yang bekerja telah berjaya menjak kaki ke alam sekolah menengah. Secara umum taraf pencapaian pelajaran di kawasan ladang adalah masih rendah lagi.

3.5 Pendapatan dan perbelanjaan

Analisis terhadap pendapatan dan perbelanjaan responden terbahagi kepada tiga aspek iaitu pendapatan ketua isirumah dan keluarganya serta perbelanjaan isirumah. Aspek kedua ialah kepentingan pendapatan anak-anak bagi menempuh kehidupan sehari-hari dan aspek ketiga ialah simpanan dan pinjaman responden.

Semua responden terdiri daripada kalangan penoreh getah atau buruh kasar. Pada kebiasannya kedua-dua suami dan isteri bekerja di ladang untuk menyara kehidupan mereka tetapi keadaan di ladang getah adalah jauh berbeza, jika dibandingkan dengan ladang-ladang kelapa sawit yang lain iaitu di mana kebanyakkan pekerja ladang getah adalah terdiri daripada kaum wanita (isteri). Hal ini berlaku adalah kerana mereka tidak mampu untuk menyara saiz keluarga yang ramai dengan hasil pendapatan yang di perolehi daripada pekerjaan sebagai penoreh getah di ladang. Kekurangan hasil pendapatan telah menyebabkan kebanyakkan ketua keluarga (suami) berhenti bekerja di ladang dan mencari kerja di kilang. Walau bagaimanapun nasib mereka masih tidak berubah kerana pendapatan yang di perolehi daripada kerja sampingan tersebut tidak dapat menampung saiz keluarganya yang ramai.

Jadual 3.7**Jumlah Pendapatan Responden dan Bilangan Tanggungan Isi rumah****Responden yang Bekerja Di Ladang**

Tanggungan Pendapatan	Tiada Tanggungan	1-2 orang	3-4 orang	5-6 orang	7-8 orang	9-10 orang	Jumlah
<RM 100	-	-	-	-	-	-	-
RM 100-200	-	2	1	-	1	-	4
RM 201-300	-	12	28	13	4	-	57
RM301-400	-	3	19	11	3	-	36
RM401-500	-	1	6	-	-	-	7
RM501-600	-	-	2	1	-	-	3
RM601-700	-	-	-	-	-	-	
JUMLAH	-	18	56	25	8	-	107

Secara keseluruhannya analisis terhadap responden menunjukkan bahawa lebih kurang 53 peratus menerima gaji dalam lingkungan RM 200 hingga RM 300 manakala empat peratus responden lagi menerima gaji dalam lingkungan RM 100 hingga RM 200, dan terdapat 34 peratus responden lagi yang menerima gaji dalam lingkungan RM 300 hingga RM 400 (Jadual 3.7). Semantara itu, terdapat juga sembilan peratus lagi responden yang menerima gaji lebih daripada RM 400 dan didapati bahawa kesemua responden yang tergolong dalam kategori ini adalah merupakan responden yang bekerja sebagai pemotong buah kelapa sawit. Maka secara keseluruhannya, purata gaji sebulan bagi seluruh responden yang bekerja sebagai pekerja ladang getah adalah RM269.50 dan purata pendapatan isi rumah responden adalah RM 694.7 sebulan mengikut saiz purata isirumah yang berjumlah 5.9 isi rumah (Jadual 3.5.2). Manakala bagi purata gaji sebulan bagi seluruh responden yang bekerja sebagai pekerja ladang kelapa sawit adalah sebanyak

RM352.45 dan purata pendapatan isi rumah responden adalah RM 905.3 sebulan mengikut saiz purata isirumah yang berjumlah 6.4 isi rumah (Jadual 3.8).

Jadual 3.8.

**Jumlah Pendapatan Responden dan Bilangan Tanggungan Isi rumah
Responden yang Bekerja Di Ladang Getah**

Tanggungan Pendapatan	Tiada Tanggungan	1-2 orang	3-4 orang	5-6 orang	7-8 orang	9-10 orang	Jumlah
<RM 100	-	-	-	-	-	-	-
RM 100-200	-	2	1	-	1	-	4
RM 201-300	-	7	19	8	2	-	36
RM301-400	-	1	8	5	-	-	14
RM401-500	-	-	-	-	-	-	-
RM501-600	-	-	-	-	-	-	-
RM601-700	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	-	10	28	13	3	-	54

Merujuk kepada jadual 3.7 pendapatan bagi setiap responden yang bekerja sebagai penoreh getah dan pekerja am di ladang kelapa sawit ialah lebih kurang RM200 hingga RM400. Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa pendapatan responden sebagai pekerja ladang adalah rendah dan pendapatan ini tidak dapat menyara saiz keluarga yang ramai. Keadaan ini bertambah buruk sekiranya hanya seorang sahaja yang bekerja di keluarga tersebut iaitu suami atau isteri di mana pendapatannya jauh lebih rendah dan memang tidak mampu menyara dua atau tiga orang dalam keluarga.

Pada umunya pendapatan responden sebagai pekerja di ladang getah dan kelapa sawit adalah berbeza dengan responden yang lain. Menurut responden, pendapatan penoreh getah yang rendah bukan kerana kuantiti susu getah atau kuantiti buah yang

dipotong yang dibawa oleh mereka rendah ataupun kerana usaha mereka tidak mencukupi, malah upah mereka ditentukan oleh faktor-faktor lain seperti bilangan hari bekerja, kutipan susu getah setiap hari, kutipan buah yang dipotong setiap sehari, cuaca dan harga getah dan kelapa sawit di pasaran dunia. Faktor-faktor yang mempengaruhi upah penoreh adalah faktor-faktor yang berada di luar kawalan pekerja. Kutipan susu pula bergantung kepada jenis pokok yang ditoreh atau sejauhmanakah ubat perangsang disapu kepada pokok tersebut. Faktor-faktor di atas menghalang penoreh getah daripada mendapat upah tinggi.

Sementara itu, bagi pekerja kelapa sawit pula, khususnya bagi pekerja pemotong buah, upah mereka ditentukan oleh faktor-faktor seperti bilangan buah yang dipotong, usia pokok yang dipotong, cuaca dan harga kelapa sawit di pasaran dunia. Menurut responden, walaupun mereka memotong buah yang banyak namun harga bagi setiap tandan buah yang dipotong adalah berbeza. Iaitu jika buah yang dipotong adalah terdiri daripada pokok yang ditanam pada tahun 1973 maka upah yang dikenakan bagi setandan adalah RM 0.50 manakala upah yang dikenakan bagi buah yang dipotong dari pokok yang ditanam pada tahun 1982 dan 1999 adalah sebanyak RM0.30 dan 0.10 setandan.

Disamping itu upah bagi buah kelapa sawit juga dibiayai berdasarkan saiz buah iaitu jika saiz buah besar maka berat buah adalah tinggi. Dengan itu usaha atau tenaga yang diperlukan untuk memuatkan setan buah kelapa sawit adalah rendah sedikit. Ini adalah kerana jika buahnya bersaiz besar maka buah yang perlu dipotong untuk untuk memuatkan berat tersebut adalah sebanyak 36 tandan buah kelapa sawit. Akan tetapi sekiranya saiz buah adalah kecil, maka tenaga yang digunakan adalah lebih sedikit kerana pekerja perlu memotong sebanyak 40 tandan buah kelapa sawit bagi mendapatkan berat tersebut.

Oleh itu, Walaupun usaha atau tenaga yang digunakan adalah sama dikalaangan pekerja namun upah yang diperolehi adalah berbeza diantara satu sama lain. Sementara itu bagi responden yang bekerja sebagai pekerja am pula, upah mereka ditentukan oleh faktor

cuaca dan harga di pasaran dunia. Misalnya menurut responden sehingga bulan julai upah mereka adalah sebanyak RM18.30 sehari manakala upah mereka mulai bulan September adalah sebanyak RM17.40 sehari. Menurut tersebut, perubahan upah tersebut adalah kerana dipengaruhi oleh harga kelapa sawit dipasaran dunia. Dengan ini jelaslah bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi upah pekerja ladang adalah faktor-faktor yang berada di luar kawalan pekerja. Ini adalah tidak adil kepada mereka kerana kualiti benih pokok getah, tanah ladang, baja, dan kualiti ubat perangsang bagi pokok getah ditentukan oleh pihak pengurusan akan tetapi segala risiko ditanggung oleh pekerja. Perbelanjaan responden pula bergantung kepada bilangan isirumah iaitu responden yang mempunyai tanggungan yang ramai mempunyai perbelanjaan yang lebih tinggi daripada responden yang mempunyai tanggungan yang lebih kecil.

Dalam sebulan, responden memerlukan lebih kurang RM350 untuk perbelanjaan rumah iaitu bagi makanan, barang-barang keperluan asas dan lain-lain, bagi keluarga yang mempunyai lima orang isirumah. lebih ramai isirumah lebih tinggi perbelanjaan rumah mereka. Sementara itu RM102.00 sebulan diperlukan untuk perbelanjaan sekolah bagi dua orang anak termasuk bayaran bas dan wang saku bagi anak-anak responden. Sekiranya responden mempunyai lima orang anak bersekolah, maka ia memerlukan lebih dari RM 200 bagi perbelanjaan sekolah anak-anaknya. Bagi perbelanjaan kesihatan pula, sebanyak RM54.00 diperlukan bagi setiap keluarga yang mempunyai lima orang isirumah kerana klinik estet hanya dibuka pada tempoh yang tertentu sahaja. Tambahan pula, klinik estet hanya untuk pekerja ladang dan bukan untuk ahli keluarganya.Selain daripada itu RM 220 lagi diperlukan untuk perbelanjaan hiburan , pakaian, dan perayaan kerana pekerja ladang juga merupakan manusia yang biasa yang menginginkan hiburan.

Jadual 3.9 menunjukkan anggaran perbelanjaan bagi sebuah keluarga pekerja ladang iaitu bagi keluarga yang bersaiz besar. Jika dikaji gaji yang diterima oleh responden

dan anggaran perbelanjaannya jauh berbeza di mana perbelanjaan responden adalah lebih tinggi daripada gaji yang diterimanya. oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa pendapatan yang diperolehi oleh responden tidak dapat memenuhi keperluan keluarga yang bersaiz besar.

Jadual 3.9
Anggaran Perbelanjaan Purata bagi Pekerja Ladang Sebulan

Bil. Isi Rumah Corak Perbelanjaan	Minimum lima orang isi rumah n=49	Maksimum Sepuluh orang isirumah n=58
Perbelanjaan Dapur\ harian	RM350	RM572
Perbelanjaan Sekolah	RM57.90 (Dua orang anak)	RM142 (Lima orang anak)
Perbelanjaan wang saku anak-anak	44.40 (Dua orang anak)	124 (Lima orang anak)
Perbelanjaan Hiburan	30	38
Perbelanjaan kesihatan	54.80	83
Perbelanjaan Perayaan	44	142
Perbelanjaan Pengangkutan	124	168
Perbelanjaan Pakaian	61	74
Perbelanjaan elektrik telefon & Telefon bimbit	56.80	48.70
Jumlah Perbelanjaan	RM822.90	RM1391.7

Daripada kajian didapati 64 peratus responden bergantung kepada pendapatan anak-anaknya unryuk menyara kehidupan keluarganya. Sebagai contohnya, pengkaji telah meneliti seorang pekerja di ladang Abako yang berumur 41 tahun yang memperolehi pendapatan kira-kira RM280 sebulan dengan bilangan isirumah seramai lapan orang. Menurut responden tersebut, keluarganya terpaksa mengharapkan anaknya yang berumur

16 tahun yang bekerja sebagai pencuci mangkuk sejak anaknya berumur 13 tahun di sebuah kedai makanan dengan gaji bulanan sebanyak RM250 untuk menampung keperluan harian keluarganya. Maka boleh disimpulkan bahawa pekerja ladaang terpaksa bergantung kepada pendapatan anaknya untuk menyara keluarganya. Jadi jelaslah di sini bahawa satu lagi sumber pendapatan keluarga responden ialah pendapatan anak-anaknya. Jika dikaji golongan remaja di ladang-ladang tersebut, didapati mereka telah bermula bekerja di kilang-kilang apabila mereka telah mencapai umur 16 tahun dan 17 tahun terutamanya anak sulung dsesbuah keluarga. Ini dilakukan untuk mengurangkan beban tanggungan ibu bapa dalam menyara keluarganya.

Secara keseluruhanya boleh dikatakan kebanyakkann responden dapat meneruskan kehidupan tanpa merayu kepada belas kasihan orang lain kerana dua perkara iaitu, pendapatan daripada kerja sambilan dan keduanya pendapatan daripada anak-anak. Tanpa kedua-dua sumber pendapatan ini, responden tidak dapat menyara keluarganya terutama pada masa kini dimana harga barang meningkat secara mendadak.

Jadual 3.10
Purata Pendapatan bulanan isi rumah responden

Pendapatan	Bilangan Keluarga	Peratus
<RM 100	0	0
RM 101-200	1	1
RM 201-300	6	6
RM 301-400	13	12
RM 401-500	2	2
RM 501-600	8	7
RM 601-700	19	18
RM 701-800	10	19
RM 801-900	12	11
RM 901-1000	7	7
>RM 1000	29	27
Jumlah	107	100

Walaupun responden di ladang tersebut memperolehi pendapatan tambahan namun sekiranya kita merujuk kepada jadual 3.10 kita mendapati bahawa lebih kurang 55 peratus daripad responden tidak memperolehi pendapatan yang secukup untuk menyara kehidupan keluarga mereka. Ini adalah kerana perbelanjaan masih melebihi pendapatan yang diperolehi oleh kebanyakan responden. Daripada kajian ini didapati 46 peratus daripada golongan pekerja berpendapatan di bawah RM 700 mempunyai pendapatan yang lebih rendah daripada perbelanjaan. Bagi golongan yang berpendapatan RM 700 hingga RM 1000 pula mendapati 27 peratus daripada mereka juga menghadapi masalah perbelanjaan melebihi pendapatan. Keadaan ini menggambarkan bahawa golongan yang berpendapatan rendah tidak dapat menampung perbelanjaan keluarganya dan terpaksa berhutang. Ini menunjukkan taraf sosio-ekonomi pekerja adalah pada tahap yang rendah dan pendapatan mereka pula tidak dapat menampung saiz keluarga yang ramaai. Di samping itu,

peningkatan harga barang tanpa ada peningkatan dalam upah benar pekerja ladang menyebabkan mereka tidak dapat mengimbangi perbelanjaan dengan pendapatan yang diperolehi.

Dalam keadaan ini responden terpaksa membuat pinjaman untuk melangsungkan kehidupan hariannya di ladang tersebut. Daripada kajian soal-selidik didapati responden yang berpendapatan kurang daripada RM700 mempunyai kadar pinjaman yang tinggi dimana 46 peratus daripada golongan ini telah membuat pinjaman untuk keperluan harian terutamanya untuk perbelanjaan dapur dan perbelanjaan sekolah anak-anak mereka. Sementara itu, 29 peratus responden yang berpendapat RM 700 hingga RM 1000 juga membuat pinjaman bagi tujuan tersebut. Selain itu, didapati sebanyak 29 orang responden yang berpendapatan lebih daripada RM 1000 pula telah membuat pinjaman dan manakala 38 peratus responden dari kumpulan itu didapati tidak melakukan sebarang pinjaman dan simpanan. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden terpaksa berhutang atau melakukan pinjaman dari cheti untuk tujuan memenuhi keperluan harian (majikan). Pendapataan mereka yang rendah menyebabkan mereka terpaksa berhutang untuk menampung perbelanjaan yang harus dilakukan untuk menyara kehidupan keluargaa responden di ladang tersebut (Rujuk Jadual 3.11)

Jadual 3.11**Pendapatan, dan Peratusan Responden yang meminjam Wang**

Pendapatan	Bilangan Keluarga	Peratus responden yang meminjam
<RM 100	0	0
RM 101-200	1	100
RM 201-300	6	100
RM 301-400	13	100
RM 401-500	2	100
RM 501-600	8	100
RM 601-700	19	100
RM 701-800	10	100
RM 801-900	12	100
RM 901-1000	7	100
>RM 1000	29	62
Jumlah	107	-

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa golongan yang berpendapatan mempunyai kadar pinjaaman yang tinggi dan kadar simpanan yang rendah. Perbelanjaan yang melebihi pendapatan jelas digambarkan di kalangan golongan pekerja ladang ini. Lagipun perbelanjaan yang dibuat ialah perbelanjaan yang perlu dilakukan lagi memenuhi keperluan asas dan bukannya perbelanjaan yang sia-sia. Tambahan pula kajian ini membuktikan bahawa upah yang diterima di sektor perladangan adalah sangat rendah dan tidak mampu untuk menyara sebuah keluarga yang bersaiz besar, tanpa memperolehi pendapatan daripada pekerjaan sampingan.

3.6. Pemilikan aset di kalangan responden

Apabila dikaji tentang pemilikan aset di kalangan responden, maka didapati bahawa tahap pemilikan harta di kalangan mereka adalah rendah. Hal ini adalah kerana kebanyakannya daripada golongan yang berpendapatan rendah. Dari segi pemilikan televisyen dan radio didapati hampir sebahagian besar daripada responden iaitu 85 peratus daripada mereka memiliki televisyen manakala 15 peratus responden sahaja yang didapati tidak memiliki televisyen. Golongan ini bukan sahaja terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah malah mempunyai bilangan isi rumah yang ramai. Seterusnya responden yang memiliki VCD pula didapati amat kurang bilangannya iaitu terdapat 45 peratus responden sahaja yang memiliki VCD. Mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan lebih daripada RM 1000 sebulan serta memiliki bilangan isi rumah yang bersaiz kecil. Melalui analisis kajian, dapatlah disimpulkan bahawa radio dan televisyen menjadi salah satu alat hiburan dan informasi yang terpenting kepada masyarakat ladang ini.

Bagi pemilikan perkakas asas seperti set dapur pula didapati 52 peratus responden memiliki dapur gas dan selebihnya pula memiliki dapur kayu. Perkakas lain seperti almari, sofa dan kipas pula didapati bahawa hanya sebanyak 85 peratus responden sahaja yang mampu memiliki ketiga-tiga asset tersebut. Tambahan pula didapati kebanyakannya perkakas seperti almari dan sofa yang dimiliki oleh responden kelihatan dalam keadaan yang kurang memuaskan dan warnanya kelihatan semakin pudar dan juga berusia.

Sementara itu, didapati bahawa kebanyakannya perkakas yang dimiliki oleh responden adalah dibeli secara ansuran bulanan. Selain daripada itu, pemilikan aset seperti motorsikal dan kereta di kalangan responden adalah pada yang rendah, iaitu didapati hanya 48 peratus daripada responden sahaja yang memiliki motorsikal dan 52 peratus responden

pula tidak dapat memiliki asset tersebut. Pada umumnya kebanyakan penduduk yang memiliki motorsikal adalah terdiri daripada golongan remaja yang bekerja di kilang. Dari segi pemilikan kereta pula, didapati hanya 12 peratus sahaja yang mampu memilikinya (Rujuk jadual 3.12)

Jadual 3.12
Jenis Pemilikan Harta Dikalangan Responden

Jenis hak milik	Peratus yang dimiliki
Televisyen	85
Radio	95
Peti ais	60
Almari bilik tidur	100
Dapur gas	52
Video	60
Dapur Kayu	48
VCD	45
Kereta	12
Motorsikal	48
Mesin jahit	6
Mesin Basuh	35
Kipas Angin	100
Lampu dinding	100
Komputer	-
Basikal	60
Sofa	85

Sementara itu, melalui hasil kajian pula di dapati tiada seorang responden pun yang memiliki computer di mana sahutam Perdana Menteri kita adalah “satu rumah satu computer” tidak dapat menjadi kenyataan bagi pekerja ladang. Dengan ini, dapatlah

dikatakan bahawa tahap pemilikan harta di kalangan pekerja ladang adalah pada tahap yang minima kerana pendapatannya yang rendah.

3.7 Kemudahan asas di ladang

Berdasarkan kajian didapati, kemudahan asas yang terdapat di ladang adalah pada tahap yang sederhana. Melalui kajian didapati berbagai kemudahan disediakan di ladang bagi penggunaan pekerja ladang dan keluarganya. Akan tetapi kemudahan yang disediakan tersebut tidak dibaik pulih semula oleh pihak majikan dari semasa ke semasa. Jadual 3.13 menggambarkan tentang pendapat para respon mengenai kemudahan yang disediakan oleh majikan diladang yang dikaji.

Jadual 3.13
Pendapat Responden Terhadap Kemudahan di Ladang

Kemudahan	Sangat baik	Baik	Kurang baik	Buruk	Jumlah
Pendidikan (sek.ren)	-	53	46	8	107
Klinik estet	-	77	30	-	107
Kuil	48	59	-	-	107
Rekreasi	-	78	29	-	107
Perumahan	-	60	47	-	107
Klinik awam	-	75	32	-	107
Bas awam	-	73	10	24	107
Jalan raya	-	75	32	-	107
Tandas	-	72	19	16	107
Bekalan air	-	87	4	16	107
Bekalan elektrik	-	107	-	-	107
Sistem perparitan	-	21	75	11	107
Rumah asuhan	-	56	33	18	107

Merujuk kepada jadual 3.13 didapati 50 peratus penduduk mendapat kemudahan pendidikan di ladang tersebut adalah baik. Hal ini adalah kerana hanya dua buah ladang iaitu ladang Semenyih dan ladang Ampar Tenang sahaja yang mempunyai kemudahan sekolah rendah. Sementara itu, responden di ladang Abako, Glengowrie dan Denudin pula menghantar anak-anak mereka kesekolah yang berhampiran dengan ladang mereka. Jadual 3.14 akan memberi satu ringkasan mengenai kemudahan persekolah yang terdekat dengan ladang-ladang yang dikaji. Daripada kajian didapati bahawa hanya ladang Ampar Tenang sahaja mempunyai tadika dan tadika tersebut adalah tadika yang beroperasi dibawah badan swasta dan bukannya milik majikan ladang tersebut.

Jadual 3.14
Kemudahan Persekolahan dan kos pengangkutan sekolah

Ladang	Sekolah terdekat	Mod pengangkutan	Kos Pengangkutan
Semenyih	SRK (T) Ldg Semenyih	Berjalan	-
Ampar tenang	SRK (T) Ldg Ampar tenang	Berjalan	-
Glengowrie	SRK (T) Ldg Rinching	Bas	RM25
Abako	SRK (T) Ldg Rinching	Van	RM32
Denudin	SRK (T) Ldg Semenyih S.R.Keb. Engku Hussein	Bas Bas	25 25

Disamping itu, menurut responden dari pada ladang Abako, majikannya tidak menyediakan apa-apa kemudahan pendidikan di ladangnya seperti di ladang-ladang yang lain. Menurutnya lagi anak-anak di kawasan ladang terpaksa pergi ke Pekan Semenyih untuk mendapatkan pendidikan sekolah rendah dan menengah, iaitu sejauh lima kilometer daripada kawasan perumahan ladang.

Oleh itu ibu bapa atau responden terpaksa bergantung kepada perkhidmatan van sekolah di mana bayaran bagi perkhidmatan tersebut adalah tinggi kerana jarak di antara sekolah dan kawasan kediamannya adalah jauh. Kadang-kala ada juga pelajar atau anak-anak responden yang dihentikan sekolah kerana responden tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah termasuk untuk tambang van.

Sementara itu melalui kajian juga didapati bahawa hampir 72 peratus responden di ladang berpuas hati dengan perkhidmatan perubatan (klinik estet) yang terdapat di ladang tersebut. Didapati bahawa Dipensari atau klinik estet dikendalikan oleh seorang pembantu hospital dan ia biasanya dibuka selama 2 jam sehari. Menurut responden, klinik estet ini hanya membekalkan perkhidmatan perubatan bagi penyakit yang biasa seperti cirit-birit, sakit kepala, selsema, demam dan bengkak. Walau bagaimanapun, didapati bahawa kebanyakan responden di ladang akan pergi ke hospital awam yang berdekatan untuk mendapatkan rawatan sekiranya kesihatan responden atau ahli keluarga responden semakin merosot.

Sementara itu, dari segi lawatan doctor di ladang pula didapati bahawa kebanyakan doktor datang ke ladang selama sehari dalam seminggu kecuali di ladang Abako. Kebanyakan penduduk di ladang tersebut tidak tahu waktu pembukaan klinik serta waktu rawatannya. Selain itu, keadaan klinik diestet juga berada dalam keadaan yang tidak memuaskan (rujuk lampiran) iaitu tempat tersebut tidak sesuai untuk dijadikan sebagai tempat rawatan. Sementara itu menurut responden lagi bahawa mereka jarang menjumpai

pembantu hospital atau klinik di ladang tersebut kerana ketibaannya tidak diketahui oleh penduduk di ladang tersebut. Dengan itu pekerja ladang terpaksa pergi ke klinik awam untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan. Walau bagaimanapun keadaan ini juga merumitkan lagi penduduk di kawasan tersebut kerana pekerja berjalan sejauh tiga kilometer ke jalan utama untuk mendapatkan bas awam untuk ke kinik. Ini adalah kerana kawasan ladang ini tidak mempunayi perkhidmatan bas awam iaitu di mana hampir kesemua responden tidak puas hati terhadap kemudahan perkhidmatan bas awam di ladang ini.

Dari segi kemudahan tempat ibadat pula didapati kebanyakan responden berpendapat bahawa kuil di ladang mereka berada dalam keadaan yang baik. Ini adalah kerana segala kerja-kerja menjaga dan membaik pulih dilakukan oleh pekerja sendiri, lagipun perbelanjaan untuk kuil di ladang ini ditanggung oleh pekerja sendiri. Pihak majikan pula tidak memainkan apa-apa peranan dalam menjaga kuil di ladang tersebut (rujuk lampiran).

Dari segi kemudahan air pula didapati sebanyak 82 peratus responden berpendapat bahawa kualiti bekalan air di ladang pada masa sekarang adalah baik jika di bandingkan pada tahun tahun 1990 dimana hampir keseluruhan responden di ladang menerima air dalam tempoh masa yang ditentukan oleh majikan (Arul Chelvan, 1990). Melalui kajian juga didapati kesemua ladang yang dikaji menerima bekalan air dari Jabatan Bekalan Air Selangor dan bil air pula diselesaikan melalui pemotongan gaji oleh majikan dan cuma ladang Abako sahaja mengalami masalah air disebabkan kecuaian pihak majikan ladang yang tidak membayar bil air.

Selain itu, di setiap ladang pula kemudahan rumah asuhan disediakan untuk membolehkan wanita bekerja di ladang. Pekerja-pekerja wanita pula boleh menghantar anak-anak kecil mereka ke rumah asuhan semasa mereka bekerja di ladang. Rumah asuhan

ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak majikan dan seorang pengasuh yang digelar “Ayamaah” serta segala keperluan rumah asuhan seharusnya disediakan oleh majikan. Melalui kajian didapati bahawa empat daripada lima buah ladang yang di kaji mempunyai rumah asuhan yang di bina daripada separuh papan dan separuh batu dan hanya sebuah rumah asuhan di ladang Semenyih sahaja yang dibina dengan batu sepenuhnya. Sementara itu, keadaan rumah asuhan bagi tiga buah ladang adalah memuaskan tetapi dua buah ladang yang lain iaitu ladang Ampar Tenang dan Abako perlu ditingkatkan dengan membaik-pulih bangunan tersebut.(Rujuk lampiran)

Dari segi kemudahan telefon awam pula, didapati empat daripada ladang yang dikaji tidak mempunyai telefon awam dan didapati hanya sebuah ladang iaitu ladang Denudin sahaja mempunyai perkhidmatan telafon awam dan sejak tiga tahun telepon awam di ladang tersebut telah rosak akibat daripada ketidakpekaan masyarakat terhadap penggunaanya.

Dari segi kemudahan bas awam pula, ladang-ladang yang terletak di tepi jalanraya utama seperti ladang Glengowrie dan Semenyih tidak menghadapi masalah dalam mendapatkan kemudahan bas awam dan masalah pengangkutan bukanlah merupakan satu masalah yang besar bagi mereka. Tetapi masalah pengangkutan merupakan satu masalah yang besar bagi ladang yang terletak di kawasan perdalamatan dan jauh daripada jalan utama seperti ladang Abaco, Ampar Tenang dan Denudin.

Bagi ladang Denudin, bas awam akan melalui ladang tersebut dua jam sekali. Bagi ladang Ampar Tenang dan Ladang Abaco pula mereka terpaksa berjalan antara tiga hingga lima kilometer sebelum mendapat perkhidmatan bas awam. Di sini dapatlah kita melihat bahawa kedudukan ladang yang jauh daripada arus pembangunan menyurangkan kawasan tersebut dihubungi dan seterusnya menyekat masyarakat disana daripada mencapai mobiliti bebas.

3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan sosioekonomi masyarakat ladang adalah pada tahap yang rendah. Hal ini,dapat dilihat dengan jelas melalui hasil kajian pengkaji itu sendiri keatas masyarakat ladang. Dengan ini dapatlah dikatakan di sini bahawa pendapatan minima yang diperolehi oleh pekerja ladang tidak dapat menampung keperluan harian keluarganya serta menghadapi kemiskinan yang dialami oleh mereka sahaja tiga generasi ini. Keadaan ini pula bertambah rumit apabila ketersampaian kemudahan asas seperti bekalan air, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan di ladang tersebut pada tahap yang rendah. Maka bolehlah dikatakan bahawa kadar upah yang rendah serta ketersampaian kemudahan asas di kalangan masyarakat ladang telah menyebabkan mereka hidup dalam keadaan kemiskinan